

KHAMIS

27 06
2019
BH VARSITI

bhvarsiti@bh.com.my

5 | **BERITA**
Kembali menabur bakti di bumi Palestin

8 | **KERJAYA**
Ahli fisioterapi galas tugas penting

11 | **PERSONALITI**
Belajar softball di Amerika – Basyirah



Oleh Nor Azma Laila
norazma@bh.com.my

Kuala Lumpur

UNIVERSITI TIDAK HANYA MENGEJAR RANKING

Keutamaan bagi memberi impak kepada ekosistem pendidikan tinggi negara

Imua universiti awam (UA) menunjukkan peningkatan membanggakan dalam senarai terkini Laporan Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings 2020 (WUR2020) seperti yang diumumkan baru-baru ini.

Universiti Malaya (UM) berjaya mencatat kedudukan ke-70 pada kali ini, berbanding tempat ke-87 pada tahun lalu, manakala Universiti Putra Malaysia (UPM) mencapai peningkatan tertinggi dengan melonjak 43 tempat, menjadikan kedudukan terkini di tempat ke-159, berbanding 202 sebelum ini.

Perbincangan mengenai penarafan ranking universiti dunia ini sudah sering diperkatakan dalam landskap pendidikan tinggi negara malah perkara itu menerima reaksi yang berbeza-beza

daripada pemegang taruh, pengamal pendidikan dan masyarakat keseluruhannya.

Dilihat dari sudut positif, ramai beranggapan ia petanda baik untuk menonjolkan kemampuan universiti di negara ini untuk bersaing dengan institusi elit di seluruh dunia, sekali gus mengiktiraf kepakaran universiti diketuai anak tempatan.

Pengiktirafan ranking itu juga dilihat antara aspek penting yang perlu diambil kira oleh setiap universiti dalam usaha menempatkan diri di persada antarabangsa tetapi pada masa yang sama tidak terlalu taasub mengejar kedudukan itu sehingga mengabaikan sumbangan universiti dalam melahirkan modal insan cemerlang untuk kepentingan rakyat dan negara.

Perkara itu turut diperersetujui Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik yang tidak mahu kementerian memfokuskan kepada kedudukan universiti semata-mata, sebaliknya keutamaan harus diberi kepada elemen yang akan memberi impak kepada ekosistem pendidikan tinggi negara.

V3

Mewujudkan ekosistem lebih intelektual, kondusif

• Dari V1

Dr Maszlee berkata, perkara yang lebih utama dalam sistem pendidikan ialah kerajaan dapat mewujudkan ekosistem yang lebih intelektual dan kondusif seterusnya melahirkan graduan holistik bercirikan Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0).

"Kita mahu Malaysia menjadi watan kepada universiti bagi menghasilkan akademik berteraskan integriti dan tanggungjawab sosial manakala uni-

versiti perlu mempunyai keupayaan menghasilkan graduan pelbagai bakat seperti kalis masa depan, cekal dan sentiasa mempunyai daya terhadap perpaduan."

"Dalam menuju IR 4.0, kerajaan kini berada di landasan tepat dalam menyediakan institusi pendidikan tinggi (IPT) yang berkualiti dan secara tidak langsung menempatkan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi di rantau ini sekali gus menjadikan universiti

pelajar antarabangsa melanjutkan pelajaran," katanya.

WUR2020 diukur menggunakan enam kriteria untuk menentukan sistem penarafannya iaitu Reputasi Akademik (40 peratus), Reputasi Majikan (10 peratus), Nisbah Fakulti/Pelajar (20 peratus), Sitasi mengikut Fakulti (20 peratus), Nisbah Fakulti Antarabangsa (lima peratus) dan Nisbah Pelajar Antarabangsa (lima peratus).

v3

turut dibuat oleh badan tertentu antaranya Time Higher Education (THE) World University Ranking dan Academic Ranking of World Universities (Shanghai Jiao Tong) - ARWU.

Pengiktirafan dunia
Dalam senarai baharu WUR2020, 15 lagi IPT tempatan awam dan swasta berjaya disenaraikan dalam senarai 1,000 terbaik.

Antaranya UCSI; Universiti Teknologi PETRONAS (UTP); Universiti Taylor's; dan Universiti Malaysia Sabah (UMS).



University (MSU); Universiti Utara Malaysia (UUM); Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Selain itu, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP); Sunway University; Universiti Malaysia Pahang (UMP); Universiti Multimedia (MMU); Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS); Universiti Tenaga Nasional (UNITEN); Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS).